SITI HASNAH VANGARAMA ABDULLAH A

lwn.

TUN DR MAHATHIR MOHAMED (SEBAGAI YANG DI PERTUA PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA – PERKIM) & YANG LAIN B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
YAACOB MD SAM PK
[SAMAN PEMULA NO: 24-2014-2009] C
4 OGOS 2010

UNDANG-UNDANG ISLAM: *Bidang Kuasa - Mahkamah Tinggi - Ibu bapa plaintif memeluk Islam apabila plaintif di bawah umur 18 belas tahun - Hak menentukan agama terletak atas ibu bapa - Sijil Akuan* D *Masuk Islam dikeluarkan ketika plaintif berumur tujuh tahun - Pendaftaran masuk agama Islam - Alegasi terhadap - Plaintif secara paksa ditukar kepada agama Islam - Deklarasi supaya Sijil Akuan Masuk Islam terbatal dan tidak sah - Faktor-faktor untuk pertimbangan - Isu keislaman plaintif - Sama ada plaintif telah memeluk agama Islam* E *dengan betul - Sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa mendengar, membicara dan memutuskan tindakan plaintif - Sama ada deklarasi-deklarasi dipohon sepatutnya diputuskan di Mahkamah Syariah - Perlembagaan Persekutuan, perkara 12(4)*

PROSEDUR SIVIL: *Pembatalan - Saman pemula - Permohonan untuk - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19 - Sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa mendengar, membicara dan memutuskan tindakan plaintif - Sama ada deklarasi-deklarasi dipohon sepatutnya diputuskan di Mahkamah Syariah - Sama ada* G *suatu penyalahgunaan proses mahkamah*

Plaintif dilahirkan pada 12 Ogos 1982 di Pahang dan telah didaftarkan dengan nama Banggarma a/p Subramaniam. Pada 30 November 1983, ibu bapa plaintif serta anak-anak mereka telah memeluk agama Islam di mana Majlis Agama Islam dan Adat H Resam Melayu Pahang telah mengesahkan pemelukan ibu bapa plaintif melalui Sijil Akuan Orang Yang Memeluk Agama Islam. Lanjutan daripada itu, ibu bapa plaintif telah masing-masing membuat surat akuan bersumpah di bawah Undang-Undang Akuan Berkanun 1960 di hadapan Majistret Rompin, Pahang dan I ditandatangani atas nama baru mereka masing-masing, iaitu, Subramaniam a/l Bangaraiah @ Mohd Yusof bin Abdullah dan

A Latchumy a/p Ramadu @ Siti Aisyah bte Abdullah. Pada 28 Disember 1989, satu Sijil Akuan Masuk Islam telah dikeluarkan ke atas nama plaintif yang ketika itu berumur tujuh tahun lanjutan daripada satu proses pendaftaran masuk Islam yang dijalankan oleh defendan keempat. Berkenaan perkara ini, plaintif telah, melalui
B saman pemula yang difailkan di sini memohon, *inter alia*, deklarasi-deklarasi berikut iaitu: (i) bahawa defendan-defendan secara salah dan tidak mengikut undang-undang telah menyebabkan plaintif menjalankan satu proses kemasukan agama pada 28 Disember 1989 dan (ii) bahawa Sijil Akuan Masuk Islam bertarikh
C 28 Disember 1989 yang ditandatangani oleh plaintif adalah tidak berkesan, terbatal dan tidak sah. Sebaliknya, defendan-defendan telah memfailkan permohonan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk membatalkan saman pemula plaintif atas alasan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai
D bidang kuasa untuk mendengar, membicara dan memutuskan tindakan ini. Plantif berhujah bahawa tindakannya tidak melibatkan keadaan di mana beliau keluar dari agama Islam tetapi merupakan kes di mana beliau telah secara paksa menukar agama kepada agama Islam melalui Sijil Akuan Masuk Islam. Oleh itu, plaintif
E berhujah bahawa satu inkuiri melalui perbicaraan perlu dijalankan untuk menentukan sama ada beliau telah memeluk agama Islam dengan betul ("proper"). Setelah mendengar hujahan daripada kesemua pihak, isu yang berbangkit untuk diputuskan adalah sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa bagi memberikan
F perintah ke atas perkara-perkara yang telah dipohon oleh plaintif.

Diputuskan (membenarkan permohonan defendan-defendan; membatalkan saman pemula plaintif dengan kos):

G **(1)** Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada ibu, bapa atau penjaga sah kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun untuk menetapkan agama anaknya. Hak tersebut merupakan hak yang bersifat universal di mana ianya tidak kira agama mana yang dianuti oleh ibu, bapa atau
H penjaga sah kanak-kanak yang terlibat. (perenggan 48)

(2) Tindakan ibu bapa plaintif membawa bersama anak-anak mereka di bawah umur 18 tahun bagi memeluk Agama Islam adalah teratur dan selari dengan s. 101 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982. Enakmen
I ini adalah statut yang berkuatkuasa semasa bapa dan ibu plaintif memeluk Islam. Lagipun, adalah tidak munasabah bagi ibu bapa plaintif mengekalkan plaintif berseorangan sahaja

untuk kekal di dalam agama asal ibu bapanya iaitu agama Hindu sedangkan abang-abang dan adik plaintif adalah beragama Islam. (perenggan 51, 53 & 54)

(3) Nama seseorang individu tidak boleh menjadi jaminan bahawa pemegang nama itu adalah menganuti agama yang selari dengan namanya. Justeru, nama plaintif, setelah diambil pertimbangan secara totaliti dengan keterangan yang ada, adalah merupakan nama yang dipilih bagi seorang yang menganuti agama Islam. (perenggan 55)

(4) Plaintif adalah seorang beragama Islam dan beliau masih kekal dalam agama tersebut pada 28 Disember 1989 ketika pengeluaran Sijil Akuan Masuk Islam. Oleh itu, deklarasi-deklarasi yang dipohon oleh plaintif merupakan perkara pokok ("subject matter") yang ekslusif di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk memutuskannya dan bukannya mahkamah ini. Oleh itu, plaintif telah menyalahgunakan proses mahkamah melalui tindakan ini. (perenggan 57, 58 & 59)

Case(s) referred to:

Azizah Shaik Ismail & Anor v. Fatimah Shaik Ismail & Anor [2003] 4 CLJ 281 FC ***(dirujuk)***

Chang Ah Mee v. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam & Ors [2003] 1 CLJ 458 HC ***(dirujuk)***

Dalip Kaur Gurbux Singh v. Pegawai Polis Daerah (OCPD), Bukit Mertajam & Anor [1991] 3 CLJ 2768; [1991] 1 CLJ (Rep) 77 SC ***(dirujuk)***

Kamariah Ali & Satu Lagi lwn. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu & Yang Lain [2006] 2 CLJ 168 HC ***(dirujuk)***

Latifah Mat Zin v. Rosmawati Sharibun & Anor [2007] 5 CLJ 253 FC ***(dirujuk)***

Lim Yoke Khoon lwn. Pandaftar Muallaf, Majlis Agama Islam Selangor & Yang Lain [2006] 4 CLJ 513 HC ***(dirujuk)***

Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain [2007] 3 CLJ 557 FC ***(dirujuk)***

Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors [2005] 4 CLJ 666 CA ***(dirujuk)***

Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor [2004] 6 CLJ 242 HC ***(dirujuk)***

Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v. Shaik Zolkaffily Shaik Natar & Ors [2003] 3 CLJ 289 FC ***(dirujuk)***

Md Hakim Lee v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur [1997] 4 CLJ Supp 419 HC ***(dirujuk)***

Metramac Corporation Sdn Bhd v. Fawziah Holdings Sdn Bhd [2006]3 CLJ 177 FC ***(dirujuk)***

Mohd Habibullah Mahmood lwn. Faridah Dato' Talib [1993] 1 CLJ 264 SC ***(dirujuk)***

A *Nagamuthu Punnusamy & Ors v. Ketua Pengarah Kementerian Perubatan Malaysia & Ors [2010] 2 CLJ 174 HC* ***(dirujuk)***
Raja Zainal Abidin Raja Tachik & Ors v. British-American Life & General Insurance Bhd [1993] 3 CLJ 606 SC ***(dirujuk)***
Shamala Sathiyaseelan v. Dr. Jeyaganesh C Mogarajah [2004] 3 CLJ 516 HC ***(dirujuk)***
B *Sia Kwee Hin v. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan [1999] 2 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***
Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor [1999] 2 CLJ 5 FC ***(dirujuk)***
Teoh Eng Huat v. The Kadhi Of Pasir Mas, Kelantan & Anor [1990] 2 CLJ
C *11; [1990] 1 CLJ (Rep) 277 SC* ***(dirujuk)***
Zaina Abidin Hamid & Ors v. Kerajaan Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 683 CA ***(dirujuk)***
Zubeydah Shaik Mohd lwn. Kalaichelvan Alagapan & Yang Lain [2003] 8 CLJ 840 HC ***(dirujuk)***

D **Perundangan yang dirujuk:**
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004, s. 63(3)(b)(x)
Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, s. 101
E Federal Constitution, arts. 12(4), 121(1A)
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(b), (d)

Bagi pihak plaintif - Gooi Hsao Lung (Kumaran Thiraviran with him); T/n Gooi & Assocs
Bagi pihak defendan pertama - Matthias Chang; T/n Suhaimi Khor Zulkifli
F *& Chang*
Bagi pihak defendan kedua - Tuan Zubaidah Tuan Muda; T/n Nik Saghir & Ismail
Bagi pihak defendan ketiga - Abu Bakar As-Sidek Dato' Mohd Sidek; T/n As-Sidek & Mohd Noor

G *Dilaporkan oleh Kumitha Abdul Majid*

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam PK:

H **[1]** Plaintif melalui saman pemula di lampiran 1 bertarikh 23 Disember 2009 memohon bagi mendapatkan perintah-perintah berikut:

I (i) untuk satu deklarasi bahawa defendan-defendan secara salah dan tidak mengikut undang-undang telah menyebabkan plaintif menjalankan satu proses kemasukan agama pada usia tujuh tahun pada 28 Disember 1989;

(ii) suatu deklarasi bahawa Sijil Akuan Masuk Islam bertarikh 28 Disember 1989 yang ditandatangani oleh plaintif adalah tidak berkesan, secara terbatal dan tidak sah;

(iii) dan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara diperintahkan secara serta merta untuk mengambil semua tindakan yang perlu untuk membetulkan (dan meminda, sekiranya perlu) rekod-rekodnya berkenaan plaintif, dengan menyatakan semula nama India asal plaintif, iaitu Banggarma a/p Subramaniam di dalam kad pengenalan plaintif dan membuang perkataan 'Islam' dari kad pengenalan plaintif;

(iv) kos;

(v) lain-lain perintah atau relif sebagaimana yang dianggap suaimanfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Saman pemula tersebut disokong dengan afidavit sokongan yang diikrarkan oleh plaintif pada 23 Disember 2009 (lampiran 2).

[3] Pada 11 Februari 2010 defendan ketiga iaitu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang memfailkan permohonan saman dalam kamar (lampiran 14) bagi memohon saman pemula plaintif (lampiran 1) dan afidavit sokongan plaintif (lampiran 2) dibatalkan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[4] Alasan-alasan permohonan bagi defendan ketiga itu, ialah:

(i) tindakan plaintif tersebut tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan;

(ii) Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar, membicara dan memutuskan tindakan ini.

[5] Permohonan defendan ketiga tersebut disokong dengan afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Haji Sazali bin Hj. Hussein iaitu Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (lampiran 15).

[6] Pada 12 Februari 2010 defendan kedua memfailkan permohonan saman dalam kamar (lampiran 16) bagi memohon saman pemula plaintif diketepikan dan/atau dibatalkan di bawah A. 18 k. 19(1)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atas alasan bahawa ia adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

A **[7]** Alasan-alasan permohonan adalah:

(i) Permohonan plaintif melibatkan isu-isu dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah.

B **[8]** Permohonan defendan kedua tersebut disokong oleh afidavit sokongan oleh Haji Raimi bin Abdullah bagi dirinya serta untuk PERKIM bertarikh 12 Februari 2010 (lampiran 17).

[9] Pada 2 Mac 2010 defendan pertama memfailkan permohonan saman dalam kamar (lampiran 24) bagi memohon
C saman pemula plaintif dibatalkan di bawah dan menurut A. 18 k. 19(b) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan atau di bawah kuasa sedia ada mahkamah ini.

[10] Permohonan defendan pertama itu disokong dengan afidavit
D defendan pertama yang diikrarkan oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad bertarikh 19 Februari 2010 (lampiran 24A).

[11] Pada 5 Mac 2010 defendan keempat memfailkan permohonan saman dalam kamar (lampiran 26) bagi memohon
E membatalkan saman pemula plaintif di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[12] Alasan permohonan defendan keempat juga mengatakan:

(i) tindakan plaintif tersebut tidak mendedahkan kausa tindakan
F terhadap defendan keempat;

(ii) Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan tindakan ini.

[13] Permohonan oleh defendan keempat tersebut disokong oleh
G afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Anuar Hakim bin Mohd Salleh seorang Pegawai Tadbir Agama pada 5 Mac 2010 (lampiran 27).

[14] Dengan kebenaran (leave) oleh mahkamah, defendan-
H defendan juga telah memasukkan kehadiran bersyarat, masing-masing.

[15] Pada 6 Julai 2010 kesemua permohonan saman dalam kamar oleh defendan pertama hingga keempat tersebut telah ditetapkan
I untuk didengar dan dilupuskan secara bersama.

[16] Di permulaan prosiding pendengaran, peguam yang bijaksana bagi pihak plaintif mengatakan plaintif tidak akan meneruskan permohonan bagi prayer di perenggan 2 lampiran 1. Perenggan 2 tersebut ialah:

> (ii) suatu deklarasi bahawa Sijil Akuan Masuk Islam bertarikh 28.12.1989 yang ditandatangani oleh plaintif adalah tidak berkesan, secara terbatal dan tidak sah.

[17] Selain dari kertas-kertas kausa yang disebutkan di atas, kertas-kertas kausa berikut adalah juga dirujuk dan dipertimbangkan oleh mahkamah:

(a) Afidavit jawapan (bagi menjawab afidavit sokongan defendan keempat) yang diikrarkan oleh plaintif Siti Hasnah Vangarama binti Abdullah bertarikh 5 April 2010 (lampiran 28);

(b) Afidavit jawapan (bagi menjawab afidavit defendan pertama) yang diikrarkan oleh plaintif Siti Hasnah Vangarama binti Abdullah bertarikh 5 Oktober 2010 (lampiran 29);

(c) Afidavit jawapan (bagi menjawab afidavit sokongan yang defendan ketiga) yang diikrarkan oleh plaintif Siti Hasnah Vangarama binti Abdullah bertarikh 19 April 2010 (lampiran 30);

(d) Afidavit jawapan (bagi menjawab afidavit sokongan defendan kedua) yang diikrarkan oleh plaintif Siti Hasnah Vangarama binti Abdullah pada 17 Mei 2010 (lampiran 32);

(e) Afidavit jawapan pertama defendan kedua yang diikrarkan oleh Haji Raimi bin Abdullah pada 24 Mei 2010 (lampiran 33).

Isu Di Hadapan Mahkamah

[18] Pihak-pihak telah berhujah panjang lebar di atas latar belakang kes dan undang-undang terlibat. Walau bagaimana pun isu terpenting yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini ialah sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa bagi memberikan perintah ke atas perkara yang dipohonkan oleh plaintif tersebut.

[19] Dalam kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v. Shaik Zolkaffily Shaik Natar & Ors* [2003] 3 CLJ 289 Mahkamah Persekutuan telah memutuskan dan menetapkan bahawa dalam menentukan soal bidang kuasa, pendekatan yang digunakan ialah apakah perkara pokok (subject matter) tindakan yang berkenaan. Sekiranya perkara pokok itu melibatkan sesuatu

A yang di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka mahkamah sivil tiada bidang kuasa mendengar dan memutuskannya. Pendekatan perkara pokok (subject matter) dan bukannya pendekatan remedi juga digunapakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Azizah Shaik Ismail & Anor v. Fatimah Shaik Ismail & Anor* [2003] 4 CLJ 281. Di dalam kes semasa di hadapan mahkamah ini, perkara pokok (subject matter) yang dipersoalkan ialah adakah plaintif secara sah di bawah undang-undang sebagai telah memeluk agama Islam.

C Latar Belakang Kes

[20] Di dalam memahami perkara atau isu-isu yang dibangkitkan oleh plaintif tersebut, adalah berfaedah mahkamah ini membutirkan latar belakang kes ini.

D **[21]** Plaintif telah dilahirkan pada 12 Ogos 1982 di Keratong, Pahang dan didaftarkan dengan nama Banggarma a/p Subramaniam. Bapa kandung plaintif bernama Subramaniam a/l Bangaraiah dan ibu kandung plaintif bernama Latchumy a/p Ramadu.

E

[22] Pada 30 November 1983, bapa dan ibu plaintif serta anak-anak telah memeluk agama Islam. Ketika memeluk agama Islam itu ibu bapa plaintif serta semua anak-anaknya termasuk plaintif tinggal di Keratong, Pahang setelah berpindah dari negeri Johor. Bapa F plaintif telah menggunakan nama Islam iaitu Mohd Yusoff bin Abdullah manakala ibu plaintif menggunakan nama Siti Aishah bte Abdullah.

[23] Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah G mengesahkan pemelukan Islam oleh ibu bapa plaintif tersebut melalui Sijil Akuan Orang Yang Memeluk Agama Islam masing-masing bertarikh 13 Januari 1984 bil. pendaftaran 79/83 Rompin bagi bapa plaintif dan bil. pendaftaran 78/83 Rompin bagi ibu plaintif. Satu buku kecil daftar M.U.I. PHG 5/1/002 Rompin juga H telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Pahang atas nama Mohd Yusof bin Abdullah dan Siti Aisyah binti Abdullah (eks. 'HR2' lampiran 17).

[24] Pada 30 November 1983 bapa dan ibu plaintif masing-masing membuat Surat Akuan bersumpah di bawah Undang-Undang I Akuan Berkanun 1960 di hadapan Majistret Rompin, Pahang dan mengatakan seperti berikut:

Saya Subramaniam a/l Bangaraiah K/P. No: 1930652 dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya dengan akal fikiran yang sempurna dan badan yang sihat serta tidak dipaksa oleh sesiapa dan dengan rela hati saya sendiri dan bersama dengan lima orang anak saya 3 lelaki dan 3 perempuan, memeluk Ugama Islam.

[25] Surat Akuan bersumpah tersebut ditandatangani oleh bapa plaintif di bawah nama barunya Subramaniam a/l Bangaraiah @ Mohd Yusof bin Abdullah.

[26] Ibu plaintif juga membuat Surat Akuan bersumpah yang serupa dan menandatanginya di bawah nama Latchumy a/p Ramadu @ Siti Aisyah bte Abdullah.

[27] Kad pengenalan plaintif No. KP. 820813-06-5578 mencatitkan nama plaintif sebagai Siti Hasnah Vangarama. Cabutan daftar kad pengenalan plaintif oleh Jabatan Pendaftaran Negara mencatitkan nama plaintif sebagai Siti Hasnah Vangarama binti Abdullah, lahir di Pahang. Dua abang plaintif bernama Muhammad Ali bin Mohd Yusof lahir pada 31 Disember 1977 dan Mohd Rasul Kalidas bin Mohd Yusof lahir pada 28 September 1979, kedua-kedua lahir di negeri Johor. Plaintif mempunyai seorang adik perempuan bernama Siti Khadijah bin Mohd Yusof lahir pada 23 Disember 1987 di Pulau Pinang. Ketiga-tiga adik beradik plaintif tersebut adalah beragama Islam (eks. "HR4" lampiran 17).

[28] Ibu plaintif meninggal dunia pada 25 Disember 1989 dan dikebumikan di Kawasan Perkuburan Qaryah bagan Lebai Tahir, Butterworth. Bapa plaintif meninggal dunia pada tahun 2004 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Bukit Teh, Bukit Mertajam (eks. 'HR-8' lampiran 17).

[29] Pada tahun 1989, bapa plaintif (sebelum beliau meninggal) telah memasukkan plaintif ke SRJK (T) Ramakrishna, Jalan Scotland, Pulau Pinang iaitu sekolah yang menempatkan anak-anak keturunan India yang miskin dan yatim. Kedua ibu bapa plaintif ketika itu tinggal di Kepala Batas bersama adik perempuan plaintif bernama Siti Khatijah.

[30] Pada 28 Disember 1989 satu Sijil Akuan Masuk Islam telah dikeluarkan ke atas plaintif yang ketika itu berumur tujuh tahun lanjutan satu proses pendaftaran masuk Islam yang dijalankan di

A hadapan Kadi Bandaraya, Pulau Pinang oleh PERKIM. Sijil ini menjadi antara perkara yang dipertikaikan oleh plaintif dalam tindakan ini.

Hujahan Pihak-Pihak

B **[31]** Di dalam hujahannya bagi pihak defendan pertama, peguamcara yang bijaksana telah menghujahkan bahawa adalah menjadi satu hak di bawah Perlembagaan seperti yang dinyatakan di bawah Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan bahawa agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah C ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya. Peguamcara defendan pertama menghujahkan dalam kes ini apabila bapa dan ibu plaintif memeluk agama Islam pada 30 November 1983 maka hak menentukan agama anak-anak kedua-dua ibu bapa tersebut terhadap anak-anaknya yang berumur di bawah lapan belas tahun D adalah terletak ke atas ibu bapa plaintif. Peguamcara yang bijaksana menghujahkan hak tersebut merupakan suatu hak yang universal yang tidak hanya terpakai kepada situasi di mana ibu bapa anak terlibat memeluk agama Islam. Dengan kata lain jika ibu bapa menganuti agama lain seperti Kristian atau Hindu atau agama E lain maka adalah menjadi hak ibu bapa tersebut menentukan agama anaknya yang berumur di bawah lapan belas tahun. Di dalam kes di hadapan mahkamah ini akuan berkanun ke atas pemelukan Islam oleh ibu bapa plaintif dan membawa bersama kesemua anak-anak mereka memeluk Islam seperti yang dieksibitkan di eks. 'HR2' F lampiran 17 dalam eksibit defendan kedua adalah bukti dokumen ke atas pemelukan Islam plaintif sejak 30 November 1983 yang mana ketika itu plaintif baru berumur lebih kurang satu tahun tiga bulan. Peguam menghujahkan ianya selari dengan hak yang diberikan di bawah Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan. G Peguam juga menghujahkan tidak terdapat keperluan undang-undang untuk kebenaran (consent) kanak-kanak didapatkan terlebih dahulu oleh ibu atau bapanya atau penjaganya bagi tujuan penetapan agama anak terlibat.

H **[32]** Peguam yang bijaksana bagi pihak defendan pertama juga telah merujuk kepada kes *Chang Ah Mee v. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam & Ors* [2003] 1 CLJ 458 dan membezakannya. Peguam menghujahkan dalam kes tersebut hanya bapa kanak-kanak yang terlibat dalam menukar agama kanak-kanak tanpa kebenaran I ibu kanak-kanak diperolehi tetapi di dalam kes di hadapan

mahkamah ini kedua-dua ibu dan bapa plaintif telah memeluk Islam dan bersetuju membesarkan plaintif mengikut kaedah penganut agama Islam.

[33] Peguam yang bijaksana bagi pihak defendan pertama juga merujuk kepada kes *Teoh Eng Huat v. The Kadhi Of Pasir Mas, Kelantan & Anor* [1990] 2 CLJ 11; [1990] 1 CLJ (Rep) 277 yang memutuskan:

> The law applicable to the infant at the time of conversion is the civil law. Consequently, the right of religious practice of the infant shall be exercised by the guardian on her behalf until reaches majority.

[34] Kesimpulannya peguamcara menghujahkan adalah merupakan fakta yang tidak dipertikaikan bahawa pada 30 November 1983 bapa, ibu, adik-beradik dan plaintif sendiri telah memeluk agama Islam dan menggunakan nama Islam dan kedua-dua ibu bapa plaintif telah bersetuju untuk anak-anak mereka termasuk plaintif dibesarkan dalam kaedah penganut Islam.

[35] Peguam yang bijaksana bagi pihak defendan kedua telah merujukkan mahkamah dengan dokumen-dokumen yang dieksibitkan di dalam lampiran 17 oleh defendan kedua dalam menunjukkan bahawa dokumen-dokumen kontemporari adalah jelas menunjukkan ibu bapa plaintif, adik beradik plaintif dan plaintif sendiri telah memeluk Islam sejak 30 November 1983.

[36] Peguamcara seterusnya menghujahkan walau pun plaintif dimasukkan ke SRJK Ramakrishna pada tahun 1988, ianya tidak menjadikan agama plaintif bertukar kerana plaintif telah memeluk Islam bersama adik beradiknya dengan persetujuan ibu bapa plaintif sejak tahun 1983.

[37] Peguamcara selanjutnya menghujahkan proses mengeluarkan Sijil Akuan Masuk Islam yang dieksibitkan 'BAS3' afidavit sokongan plaintif (lampiran 2) hanyalah merupakan suatu tindakan formaliti oleh PERKIM dan ianya tidak mengubah status asal bahawa plaintif telah menjadi seorang penganut Islam melalui pemelukan Islam oleh kedua ibu bapa plaintif pada tahun 1983 yang telah membawa bersama kesemua adik beradik plaintif termasuk plaintif memeluk Islam dan ketika itu plaintif berada di bawah umur seperti mana yang dibuktikan melalui eks. 'HR2' iaitu Sijil Akuan Orang Yang Memeluk Agama Islam bertarikh 13 Januari

A 1984 dan Surat Akuan berkanun bertarikh 30 November 1983 dalam afidavit sokongan defendan kedua di lampiran 17. Oleh yang demikian peguamcara menghujahkan adalah tidak timbul isu bahawa plaintif dipaksa menjalani proses menukar agama dari agama Hindu kepada agama Islam pada tarikh 29 Disember 1989 apabila plaintif
B menandatangani Sijil Akuan Masuk Islam ('BAS3'). Peguam yang bijaksana merujuk kepada kes *Kamariah Ali & Satu Lagi lwn. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu & Yang Lain* [2006] 2 CLJ 168, *Lim Yoke Khoon lwn. Pendaftar Muallaf, Majlis Agama Islam Selangor & Yang Lain* [2006] 4 CLJ 513, *Soon Singh Bikar*
C *Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [1999] 2 CLJ 5, *Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain* [2007] 3 CLJ 557; [2005] 4 CLJ 666; [2004] 6 CLJ 242 dalam menyokong penghujahannya serta perbandingan terhadap fakta-fakta yang terdapat.

D

[38] Kesimpulannya peguamcara defendan kedua menghujahkan perkara yang dibangkitkan oleh plaintif ini adalah merupakan perkara pokok berkaitan keabsahan pemelukan agama Islam oleh plaintif dan yang demikian perkara tersebut adalah menjadi perkara
E bidangkuasa ekslusif Mahkamah Syariah dan bukannya mahkamah sivil ini untuk memutuskannya. Peguam merujuk kepada Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan serta s. 63(3)(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 yang memberi kuasa hanya kepada Mahkamah Syariah bagi memutuskan perkara-
F perkara yang berkaitan dengan Islam dan keluar dari Islam.

[39] Peguamcara yang bijaksana bagi pihak defendan ketiga menghujahkan oleh kerana perkara yang menjadi pertikaian plaintif adalah melibatkan perkara keislaman plaintif, maka tindakan plaintif sewajarnya difailkan di mahkamah syariah dan bukannya di
G mahkamah ini. Peguamcara merujuk kepada kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v. Shaik Zolkaffily bin Shaik Natar & @ Ors (supra)* bagi hujahannya dalam perkara ini. Peguamcara selanjutnya menghujahkan oleh kerana perkara pokok (subject
H matter) terlibat adalah isu keislaman plaintif maka mahkamah sivil tidak mempunyai bidangkuasa untuk menghakimi isu ini. Peguamcara defendan ketiga juga merujuk kepada kes *Soon Singh a/l Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Perlis (supra)*, *Sia Kwee Hin v. Jabatan Agama Islam*
I *Wilayah Persekutuan* [1999] 2 CLJ 1 dalam isu bidang kuasa mahkamah di bawah Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuaan. Peguamcara juga menghujahkan tindakan oleh plaintif ini adalah

satu penyalahgunaan proses mahkamah yang membolehkan tindakan ini dibatalkan (*Raja Zainal Abidin Raja Tachik & Ors v. British-American Life & General Insurance Bhd* [1993] 3 CLJ 606).

[40] Peguam kanan persekutuan yang bijaksana yang juga Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang yang mewakili defendan keempat selain daripada menerima pakai hujahan yang telah dibuat oleh peguamcara-peguamcara bagi pihak defendan pertama hingga defendan ketiga, telah juga menghujahkan isu bidang kuasa mahkamah dengan merujuk kepada kes *Md Hakim Lee v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur* [1997] 6 CLJ 419, *Dalip Kaur Gurbux Singh v. Pegawai Polis Daerah (OCPD), Bukit Mertajam & Anor* [1991] 3 CLJ 2768; [1991] 1 CLJ (Rep) 77, *Mohd Habibullah Mahmood lwn. Faridah Dato' Talib* [1993] 1 CLJ 264. Peguam kanan persekutuan juga merujuk kepada s. 101 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 yang membenarkan anak berumur di bawah 18 tahun didaftarkan masuk berugama Islam jika ibu, bapa atau yang memelihara anak itu masuk ke agama Islam. Peguam kanan persekutuan menghujahkan peruntukan tersebut adalah terpakai ketika ibu bapa plaintif serta adik beradik plaintif termasuk plaintif mendaftar masuk agama Islam pada tahun 1983.

[41] Peguamcara yang bijaksana yang mewakili plaintif menghujahkan kes tindakan plaintif ini bukan merupakan keadaan di mana plaintif keluar agama Islam (renounced herself from the Islamic faith) tetapi merupakan kes di mana plaintif telah secara paksa menukar agama kepada agama Islam melalui Sijil Akuan Masuk Islam bertarikh 28 Disember 1989.

[42] Peguamcara menghujahkan plaintif yang ketika itu berumur tujuh tahun tidak kompeten untuk memahami 'kalimah syahadah' yang bersifat ritual agama dan sebagai seorang minor plaintif tidak kompeten untuk melaksanakan perakuan di sijil tersebut. Peguamcara selanjutnya menghujahkan tindakan defendan-defendan yang berkaitan dengan Sijil Akuan Masuk Islam bertarikh 28 November 1989 adalah dibuat tanpa mendapatkan persetujuan bapa plaintif atau pengetahuan mereka dan yang demikian memecahi Perkara 12(4) dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Peguamcara selanjutnya menghujahkan tindakan bapa plaintif yang memasukkan plaintif ke SRJK Ramakrishnan iaitu sebuah sekolah yang juga menempatkan kanak-kanak yatim berbangsa India adalah menunjukkan hasrat bapa plaintif untuk plaintif kekal dalam agama Hindu sebelum kemudiannya dibawa keluar oleh PERKIM bagi

kemasukan ke agama Islam. Peguam juga mempertikaikan surat bertarikh 9 Januari 1990 yang dikatakan ditandatangani oleh bapa plaintif (eks. 'HR5' di lampiran 17) yang ditujukan kepada Guru Besar SRJK(T) Ramakrishna yang membenarkan plaintif bersama adik beradiknya di bawa keluar dari sekolah tersebut dan diserahkan kepada jagaan defendan kedua. Peguamcara selanjutnya menghujahkan daripada fakta yang terdapat telah menunjukkan terdapat dua kali plaintif dikatakan masuk Islam iaitu pada 28 Disember 1989 dan awalnya pada tahun 1983 melalui kemasukan Islam ibu bapa plaintif dan maka itu telah terdapat isu pertikaian yang hanya boleh diputuskan melalui satu perbicaraan penuh. Peguamcara juga menghujahkan kes plaintif ini tidak boleh disamakan keadaan di mana kedua-dua ibu bapa adalah penganut agama Islam sejak asal tetapi kes ini melibatkan pemasukan kepada agama Islam yang ketika sebelum kemasukan itu ibu bapa plaintif dan plaintif beragama Hindu. Dengan yang demikian isu yang perlu dibuat inkuiri melalui satu perbicaraan ialah sama ada plaintif telah dengan betul (proper) memeluk agama Islam.

[43] Di dalam menyokong hujahannya peguam yang bijaksana bagi pihak plaintif merujuk kepada kes *Zaina Abidin Hamid & Ors v. Kerajaan Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 683 dan menghujahkan bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar kes tindakan plaintif yang melibatkan pentafsiran keperlembagaan undang-undang bertulis (constitutionality of written laws) yang diperbuat oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, yang mana ianya tidak boleh menjadi suatu penyalahgunaan proses. Dalam isu bidang kuasa mahkamah bagi mendengar dan memutuskan tindakan plaintif ini, peguam juga merujuk kepada kes *Latifah Mat Zin v. Rosmawati Sharibun & Anor* [2007] 5 CLJ 253, *Shamala Sathiyaseelan v. Dr. Jeyaganesh C Mogarajah* [2004] 3 CLJ 516, *Nagamuthu Punnusamy & Ors v. Ketua Pengarah Kementerian Perubatan Malaysia & Ors* [2010] 2 CLJ 174.

[44] Kesimpulannya peguamcara menghujahkan jika plaintif bukan merupakan seorang Islam maka Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa bagi mendengar kes plaintif dan yang demikian mahkamah sivil adalah forum yang tepat untuk tindakan ini didengar dan diputuskan.

Pendapat Dan Keputusan Mahkamah

[45] Seperti yang mahkamah ini telah nyatakan diawal penghakiman ini, bagi kes-kes yang melibatkan isu agama dan akidah pendekatan pemakaian ujian perkara pokok (subject matter)

seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v. Shaik Zokaffily bin Shaik Natar & Ors (supra)* dan *Azizah Shaik Ismail & Anor v. Fatimah Shaik Ismail & Anor (supra)* hendaklah digunakan oleh mahkamah. Mahkamah bawahan adalah terikat ke atasnya di atas prinsip *stare decicis* (*Metramac Corporation Sdn Bhd v Fawziah Holdings Sdn Bhd* [2006] 3 CLJ 177 (FC).

[46] Di dalam menimbangkan keterangan-keterangan yang ada, mahkamah dapati fakta-fakta berikut diterima sebagai keterangan yang kredibel:

(a) bahawa bapa plaintif telah memeluk agama Islam pada 30 November 1983 dan menukar nama kepada Mohd Yusof bin Abdullah (eks. 'HR2' lampiran 17);

(b) bahawa ibu plaintif telah memeluk Islam pada 30 November 1983 dan menukar nama kepada Siti Aisyah bte Abdullah (eks. 'HR2' lampiran 17);

(c) bahawa pemelukan agama Islam oleh bapa plaintif telah didaftarkan dengan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu, Pahang pada 13 Januari 1984 (eks. 'HR2' lampiran 17);

(d) bahawa pemelukan agama Islam oleh ibu plaintif telah didaftarkan dengan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu, Pahang pada 13 Januari 1984 (eks. 'HR2' lampiran 17);

(e) bahawa Sijil Akuan Orang Yang Memeluk Agama Islam telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu, Pahang No. Rujukan 79/83 Rompin bertarikh 13 Januari 1984 di atas nama bapa plaintif (eks. 'HR2' lampiran 17);

(f) bahawa Sijil Akuan Orang Yang Memeluk Agama Islam telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu, Pahang No. Rujukan 78/83 Rompin bertarikh 13 Januari 1984 di atas nama ibu plaintif (eks. 'HR2' lampiran 17);

(g) bahawa satu Surat Akuan berkanun telah dibuat oleh bapa plaintif di hadapan Majistret Rompin, Pahang pada 30 November 1983 bagi pengataan perakuan bahawa bapa plaintif bersama lima orang anak beliau memeluk agama Islam (eks. 'HR2' lampiran 17);

(h) bahawa satu Surat Akuan berkanun telah dibuat oleh ibu plaintif di hadapan Majistret Rompin, Pahang pada 30 November 1983 bagi pengataan bahawa ibu plaintif telah memeluk agama Islam (eks. 'HR2' lampiran 17);

(i) bahawa ibu plaintif telah meninggal dunia pada 25 Disember 1989 dan dikebumikan di Kawasan Perkuburan Qaryah Bagan Lebai Tahir, Butterworth (eks. 'HR8' lampiran 17);

(j) bahawa bapa plaintif telah meninggal dunia pada tahun 2004 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Bukit Teh, Bukit Mertajam (eks. 'HR8' lampiran 17);

(k) bahawa tidak terdapat keterangan yang menunjukkan ibu dan bapa plaintif telah keluar dari agama Islam semasa mereka hidup atau ketika meninggal dunia;

(l) bahawa abang pertama plaintif yang memegang kad pengenalan nombor 771231-01-6559 menggunakan nama Islam iaitu Muhammad Ali bin Mohd Yusof (eks. 'HR4' lampiran 17);

(m) bahawa abang kedua plaintif yang memegang kad pengenalan nombor 790928-01-5963 menggunakan nama Islam iaitu Mohd Rasul Kalidas bin Mohd Yusof (eks. 'HR4' lampiran 17);

(n) bahawa adik perempuan plaintif yang memegang dokumen pengenalan sementara bagi kad pengenalan nombor 871223-07-5004 menggunakan nama Islam iaitu Siti Khadijah binti Mohd Yusof (eks. 'HR4' lampiran 17);

(o) bahawa plaintif adalah pemegang kad pengenalan nombor 820813-06-5578 menggunakan nama Islam iaitu Siti Hasnah Vangarama (eks. 'HR4' lampiran 17).

[47] Dalam menimbangkan dokumen-dokumen yang disebutkan di atas sebagai keterangan yang kredibel, mahkamah ini melihatnya dari aspek bahawa dokumen-dokumen tersebut adalah merupakan dokumen-dokumen kontemporari yang dibuat atau dikeluarkan pada tarikh-tarikh yang disebutkan tanpa terdapatnya motif tertentu dan tanpa terdapatnya suatu pra-lihat bahawa plaintif akan mempersoalkan isu keislaman plaintif.

[48] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan oleh peguamcara yang bijaksana bagi pihak defendan pertama, bahawa Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada ibu, bapa atau penjaga sah kanak-kanak yang berumur di bawah lapan

belas tahun untuk menetapkan agama anaknya di bawah umur tersebut. Hak tersebut adalah merupakan hak yang bersifat universal tidak kira agama mana yang dianuti oleh ibu, bapa atau penjaga sah kanak-kanak terlibat.

[49] Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, kedua-dua ibu dan bapa plaintif telah memeluk Islam pada 30 November 1983 dan mereka membawa bersama semua adik beradik iaitu abang-abang plaintif termasuk plaintif bagi memeluk agama Islam. Fakta ini terdapat dalam Surat Akuan berkanun bertarikh 30 November 1983 yang mahkamah ini telah sebutkan di atas tadi. Tidak terdapat apa-apa keterangan yang dapat mencabar atau mempertikaikan kebenaran Surat Akuan berkanun tersebut yang dibuat di hadapan Majistret Rompin, Pahang.

[50] Fakta juga menunjukkan adik perempuan plaintif bernama Siti Khadijah binti Mohd Yusof yang lahir pada 23 Disember 1987 yang memegang sijil kelahiran K732639 yang mencatitkan agamanya Islam adalah keterangan dalam menunjukkan bahawa ibu dan bapa plaintif adalah masih beragama Islam dan berhasrat menggunakan nama Islam iaitu Siti Khadijah binti Mohd Yusof bagi adik plaintif tersebut (eks. 'HR4' lampiran 17).

[51] Mahkamah juga bersetuju dengan hujahan yang bijaksana peguam kanan persekutuan bagi pihak defendan keempat bahawa tindakan bapa dan ibu plaintif membawa bersama anak-anaknya di bawah umur lapan belas tahun bagi masuk ke agama Islam adalah teratur dan dibolehkan di bawah s. 101 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Enakmen 8 Tahun 1982). Enakmen ini adalah statut yang berkuatkuasa semasa bapa dan ibu plaintif memeluk Islam pada 30 November 1983.

[52] Seksyen 101 tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> Seksyen 101. Kanak-kanak belum cukup umur masuk Ugama Islam.
>
> Tiada sesiapapun yang di bawah umur delapan belas tahun melainkan dengan kebenaran ibubapanya atau penjaganya boleh didaftarkan untuk ke Ugama Islam:
>
> Dengan syarat jika ibu, bapa, atau yang memelihara anak itu masuk ke Ugama Islam atau jika anak-anak itu dijumpai terbiar dan tiada diketahui ibubapanya maka bolehlah anak-anak itu didaftarkan masuk berugama Islam.

[53] Dengan yang demikian mahkamah berpendapat Sijil Akuan berkanun yang dibuat oleh bapa plaintif pada ketika memeluk Agama Islam pada 30 November 1983 bahawa beliau bersama semua anak-anaknya memasuki dan memeluk agama Islam adalah selari dengan s. 101 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982. Penentuan agama bagi anak-anak di bawah umur minor oleh ibu bapa plaintif juga tidak melanggar prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes *Teoh Eng Huat v. The Kadhi Of Pasir Mas, Kelantan & Anor* [1990] 2 CLJ 11; [1990] 1 CLJ (Rep) 277.

[54] Mahkamah juga bersetuju dengan penghujahan oleh peguamcara yang bijaksana bagi pihak defendan pertama bahawa adalah sesuatu yang rasional untuk ibu bapa yang telah memeluk Islam akan memilih dan membenarkan anak-anak mereka diberi pendidikan dan dibesarkan secara agama anutan mereka iaitu agama Islam dan dalam perkara ini abang-abang dan adik plaintif adalah beragama Islam dan maka itu adalah tidak munasabah untuk ibu bapa plaintif mengekalkan plaintif berseorangan sahaja yang kekal di dalam agama asal ibu bapanya iaitu agama Hindu yang pada ketika kedua ibu bapa plaintif memeluk Islam, plaintif berumur satu tahun tiga bulan.

[55] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan oleh peguam yang bijaksana bagi pihak defendan kedua bahawa kemasukan plaintif ke Ramakrishna Home iaitu SRJK (T) Ramakrisna pada tahun 1988 tidak bermakna ibu bapa plaintif telah membenarkan ugama plaintif di tukarkan dari Islam kepada agama Hindu atau disebabkan plaintif masih kekal dalam agama asalnya. Tidak terdapat apa-apa keterangan bahawa ibu bapa plaintif telah menetapkan agama yang lain bagi plaintif sebelum tahun 1989 selain dari agama Islam seperti mana yang diperakukan dalam Sijil Akuan berkanun bertarikh 30 November 1983. Bagaimana pun mahkamah juga memberi perhatian bahawa nama seseorang individu tidak boleh menjadi jaminan bahawa pemegang nama itu adalah menganuti agama yang selari dengan namanya. Pun begitu dalam kes di hadapan mahkamah ini, nama plaintif tersebut setelah diambil pertimbangan secara totaliti dengan keterangan yang ada adalah merupakan nama yang dipilih bagi seorang yang menganuti agama Islam.

[56] Di dalam kes *Zubeydah Shaik Mohd lwn Kalaichelvan Alagapan & Yang Lain* [2003] 8 CLJ 840, YA Raus Sharif H (beliau ketika itu) memutuskan:

Jadi memandangkan defendan kedua belum disahkan terkeluar daripada agama Islam, maka sudah tentu, beliau tidak boleh melangsungkan upacara atau mendaftarkan perkahwinannya dengan defendan pertama di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976. Defendan kedua adalah masih dianggap sebagai seorang Islam.

[57] Di atas huraian yang telah mahkamah ini butirkan di atas, mahkamah ini berpendapat dari keterangan-keterangan yang terdapat, plaintif adalah seorang yang beragama Islam sejak kedua ibu bapa plaintif menganut agama Islam bersama-sama adik beradik plaintif serta plaintif sendiri dan plaintif masih kekal dalam agama Islam pada 28 Disember 1989 ketika pengeluaran Sijil Akuan Masuk Islam oleh defendan keempat dalam upacara yang dijalankan oleh PERKIM yang defendan pertama adalah Yang Di Pertua PERKIM pada ketika itu dan defendan kedua adalah Setiausaha PERKIM ketika itu.

[58] Di atas alasan-alasan oleh mahkamah ini yang disebutkan di atas, mahkamah berpendapat tindakan yang dibawa oleh plaintif bagi mendapatkan deklarasi yang dipohonkan adalah merupakan perkara pokok (subject matter) yang ekslusif berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk memutuskannya dan bukannya di mahkamah ini. Di atas alasan ini sahaja pun tindakan plaintif ini wajar ditolak di atas alasan mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa bagi mendengar dan memberikan perintah yang dipohonkan oleh plaintif tersebut bahawa dia bukan seorang yang beragama Islam.

[59] Mahkamah ini juga berpendapat tindakan oleh plaintif ini adalah tergolong di dalam tindakan yang menyalahgunakan proses mahkamah dan dengan itu mahkamah ini membenarkan permohonan defendan-defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat untuk membatalkan saman pemula ini. Dengan ini mahkamah memerintahkan bahawa saman pemula ini dibatalkan dengan kos.